

06 MAY 1996

Mahathir-Korporat

JAGA IMEJ DI LUAR NEGARA, NASIHAT DR M KEPADA WARGA KORPORAT

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyeru ahli-ahli perniagaan Malaysia supaya supaya menjadi warga korporat yang baik khasnya semasa mereka berurusan di luar negara.

Beliau berkata, ini bagi mengelakkan mereka dilabel sebagai "tamak" dan hanya mahu mengaut keuntungan sahaja.

"Saya sentiasa menasihati mereka supaya jangan hanya berfikir untuk mencari keuntungan sahaja tetapi juga cuba bentuk kerjasama (bersama rakan-rakan mereka) ," kata beliau dalam ucapannya di majlis makan tahunan Persatuan Malaysia Selatan-selatan (MASSA) di sini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyatakan keyakinan beliau yang penglibatan rakyat Malaysia di luar negara khasnya di negara-negara membangun telah meningkat, dan ini pasti menyemarakkan lagi nama negara sebagai pelabur asing.

"Ini baik bagi ekonomi kita dan pada masa yang sama kita boleh memainkan peranan dalam pembangunan negara-negara penerima," kata beliau.

MASSA merupakan persatuan yang dibentuk lima tahun lepas untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara Selatan seperti Amerika Selatan, Afrika, Indo-China, Eropah Timur, Asia Tenggara dan Asia.

Perdana Menteri juga berkata MASSA boleh memainkan peranan sebagai perantara antara kerajaan dan ahli-ahli perniagaan dalam usaha mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah yang timbul.

Sebelum itu, Presiden MASSA Tan Sri Azman Hashim berkata, dengan galakkan dan sokongan kerajaan, sektor swasta Malaysia telah membawa kesan yang agak besar ke rantau Selatan-selatan.

Beliau berkata, sayap pelaburan MASSA, Kerjasama Malaysia Selatan-selatan (MASSCORP), telah membuat pelaburan dengan jayanya di Vietnam, Chile dan Argentina.

"Kita kini sedang mengkaji kemungkinan menyertai pembinaan semula dan pemuliharaan Bosnia Herzegovina," kata beliau lagi.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. -- BERNAMA

MAM PR